

27/08/2005

DR MAHATHIR TERIMA IJAZAH KEHORMAT KUITTHO

BATU PAHAT, 27 Ogos (Bernama) -- Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan Teknologi) oleh Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) di sini.

Anugerah itu disampaikan kepada bekas Perdana Menteri itu oleh Tunku Mahkota Johor Tengku Ibrahim Ismail Sultan Iskandar Al-Haj selaku Canselor KUiTTHO pada konvokesyen keempatnya.

Dr Mahathir diiringi isterinya Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman dan Pengerusi Lembaga Pengarah KUiTTHO Tan Sri Shamsuddin Abdul Kadir.

Konvokesyen kali ini menyaksikan seramai 1,435 orang graduan menerima ijazah dan diploma masing-masing.

-- BERNAMA

NM RAR MAI